

Headline **Pasangan bukan Islam patut jalani ujian**
Date **07. Oct 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **8**
Section **Nasional** Article Size **74** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**
AdValue



Pasangan bukan Islam patut jalani ujian

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta turut mewajibkan ujian HIV kepada pasangan bukan Islam di negara ini berikutan langkah itu berupaya menjaga kepentingan semua kaum di samping membendung penularan penyakit berbahaya.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sarjit Singh Darshan Singh, berkata pelaksanaan dasar itu secara menyeluruh tanpa mengira batasan kaum dan agama juga mampu melahirkan masyarakat yang mempunyai institusi kekeluargaan lebih sihat dan kukuh.

"Kerajaan perlu mewajibkan pemeriksaan itu kepada semua rakyat Malaysia yang merancang untuk berkahwin.

"Masyarakat bukan Is-

lam perlu membuka minda mereka kerana ujian saringan HIV ini secara prinsipnya amat berguna bagi mengenal pasti status kesihatan pasangan masing-masing sebelum berkahwin atau merancang langkah seterusnya.

"Mereka tidak boleh menganggap ujian itu sebagai pencabulan ke atas hak kebebasan asasi, menyusahkan atau berunsurkan keagamaan kerana ia bertujuan baik bagi menjauhkan segala risiko, malahan semua agama menganjurkan pengikutnya mencari kebenaran sebelum melakukan sesuatu," katanya, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan *Berita Harian* semalam mengenai pasangan Islam di negara ini yang mahu berkahwin mulai tahun depan, wajib menjalani ujian saringan HIV sebagai syarat sebelum dibenarkan untuk melangsungkan pernikahan.

Bagaimanapun, Presiden Majlis Aids Malaysia, Prof Dr Adeeba Kamaruzaman, tidak bersetuju dengan langkah Jakim mewajibkan ujian saringan HIV kepada semua bakal pengantin Islam.

"Kami memahami alasan Jakim bagi mewajibkan ujian itu, bagaimanapun kami berpendapat bakal pengantin hanya perlu digalak melakukannya dan diberi pilihan bukan dengan mewajibkannya," katanya.